

DATE: 25/2/2010

Ekonomi pulih

- Pertumbuhan suku keempat 2009 luar jangkaan
- Sasaran lima peratus 2010

Oleh Johari Ibrahim dan Kamarulzaidi

PUTRAJAYA: Ekonomi Malaysia yang menguncup sepanjang sembilan bulan pertama tahun lain, kembalinya pulih dengan mencatat pertumbuhan tinggi sebanyak 4.5 peratus pada suku keempat

Pertumbuhan luar jangkaan itu menjadikan pengunrupan

keseluruhan tahun lalu hanya 1.7 peratus. Jauh lebih baik berbanding unjuran awal penguncupan sebanyak 3.0 peratus.

Perdanan Menteri, Datuk Seri Najib Razak, ketika mengumumkan perkara itu, berkata berikutan pencapaian berkenaan, ekonomi Malaysia tahun ini dijangka berkembang pada kadar lima peratus.

LIHAT MUKA 2

Negara dijangka nikmati pertumbuhan kukuh 2010

DARI MUKA 1

"Jika tidak berlaku perkara luar jangkaan kepada ekonomi global, boleh dikatakan ekonomi Malaysia sudah pulih daripada kesan krisis global dan akan menikmati pertumbuhan kukuh pada 2010."

"Jangkaan awal pertumbuhan tahun ini adalah sekitar empat peratus, tetapi saya yakin akan merekodkan pertumbuhan pertumbuhan antara satu hingga dua peratus lebih tinggi daripada unjuran itu," katanya pada sidang media di sini, semalam

Berikutan krisis kewangan global, ekonomi Malaysia mencatat penguncupan dalam suku pertama, kedua dan ketiga tahun lalu pada kadar 6.2, 1.8 dan 1.2 peratus. Sebahagian besar ahli ekonomi mengunjurkan ia berkembang pada kadar 3.0 hingga 3.5 peratus inula suku keempat 2009.

Najib yang juga Menteri Kewangan, berkata kerajaan sedang berusaha sebaik mungkin untuk meningkatkan keyakinan pengguna dan pelabur bagi merangsangkan lagi aktiviti ekonomi termasuk penyeragaman pelaksanaan pelbagai projek dan menggalakkan pelaburan swasta.

Najib berkata, pelaksanaan agresif dua pakej rangsangan ekonomi yang diper-

kenalkan pada November 2008 dan Mac 2009 menjadi faktor utama yang menyumbang kepada pemulihan ekonomi negara.

Hingga kini, lebih 111,000 projek bernilai RM17 bilion telah pun sedang dilaksanakan dan daripada jumlah itu, RM13 bilion sudah dibayar atau secara puratanya sebanyak RM1 bilion sebulan mengalir ke pasaran sejak Januari 2009.

"Antara sebab utama kita dapat menyalakan kembali RMI bilion sebulan pada 2009 adalah kerana kita mempunyai unit pemantauan khas di Kementerian Kewangan.

"Unit itu tidak ada sebelum ini, tetapi ditubuhkan dan bekerja bersama serta terabit dengan pelbagai kementerian serta agensi pusat bagi memastikan semua program yang dibuat di bawah dua pakej rangsangan dilaksanakan segera.

"Ini adalah antara sebab utama kenapa kita meralih pencapaian luar jangkaan dari segi pertumbuhan," katanya.

Perdana Menteri berkata, antara aspek utama pakej rangsangan dan Bajet Mini 2009 adalah mewujudkan peluang pekerjaan dan sejak Mac 2009 sejumlah 38,495 daripada 50,000 jawatan kosong di sektor awam sudah dual.

"Kerajaan juga sudah me-

ngambil 11,131 orang sebagai pekerja kontrak, yang mana mereka disarankan mencari pekerjaan tetap setelah tamat kontrak.

Sebanyak 100,000 lagi peluang latihan dan pekerjaan diwujudkan menerusi agensi dan syarikat berkaitan kerajaan (GIC) dengan kerjasama sektor swasta.

Langkah itu, kata Najib, memanfaatkan pekerja dari sektor perkhidmatan, graduan menganggur, pekerja yang diberhentikan, ibu tunggal, pekerja kurang upaya dan spertenis.

Beliau berkata, sebanyak RM230 juta telah dibahagikan kepada pelbagai pusat latihan pada peringkat negeri untuk latihan teknikal dan daripada jumlah itu RM169 juta digunakan untuk latihan kepada 13,916 pekerja daripada pelbagai industri.

"Secara keseluruhannya, keadaan pasaran pekerja bertambah baik pada suku keempat. Jumlah pemberhentian pekerja berkurangan kepada 2,125 orang berbanding 12,590 orang pada suku pertama tahun lain," katanya.

Najib menjelaskan pada suku keempat 2009, pertumbuhan penggunaan swasta yang bertenisan dan peningkatan perbelanjaan sektor awam menyumbang kepada permintaan dalam negeri yang

FAKTA

KDNK Suku Tahunan 2009 mengikut sektor

	Jan-Mar	April-Jun	Jul-Sept	Oktober
Perkilangan	-6.2	-3.9	-1.2	5.3
Perkhidmatan	-0.2	1.6	3.4	5.1
Pertanian	-4.3	0.3	-0.5	6.0
Perlombongan	-5.2	-3.6	-3.5	-2.8
Pembinaan	1.1	4.5	7.9	8.6
KDNK Bersih	-6.2	-3.9	-1.2	4.5

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

lebih tinggi, meningkat tiga peratus berbanding 0.4 peratus pada suku ketiga 2009.

Peningkatan penggunaan swasta itu disokong oleh pasaran pekerja yang lebih baik, kadar inflasi rendah serta perbelanjaan lebih tinggi pada musim cuti persekolahan dan perayaan pada akhir tahun.

Sementara itu, terdapat tanda penstabilan dalam perbelanjaan modal sektor swasta pada suku keempat tahun lalu kerana sentimen perniagaan terus bertambah baik.

Perkembangan itu, katanya, berserta perbelanjaan sektor awam yang tinggi, telah menyumbang kepada pemulihan dalam pembentukan

modal tetap kasar yang mencatat pertumbuhan positif sebanyak 8.2 peratus pada suku berkenaan berbanding penguncupan 7.9 peratus pada suku sebelumnya.

Menyentuh prestasi eksport, Najib berkata, Malaysia kembali mencatat pertumbuhan positif 5.1 peratus berbanding penguncupan 2.4 peratus pada suku ketiga, disokong peningkatan permintaan luar negara, khususnya dari negara serantau serta harga komoditi yang lebih kukuh.

Malaysia juga lenis menerima pelaburan asing dengan aliran masuk kasar meningkat kepada RM7.2 bilion berbanding RM6.7 bilion pada suku ketiga, dengan sejumlah besar pelaburan adalah dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.